

# Khairy boleh letak jawatan bergantung pada perwakilan

um- 7/8/2006

...tentulah kalau orang tak mahu, tentulah dia tak jadi (naib ketua) lagi, tak pegang jawatan yang berkenaan

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Oleh **FAUZI JAAFAR**  
dan **MAZLI BIDU**

**KUALA LUMPUR** 6 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin boleh meletak jawatan parti jika sudah dianggap satu liabiliti kepada parti.

Bagaimanapun, Perdana Menteri ketika mengulas perkara itu berkata, keputusan Khairy untuk meletak jawatan sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bergantung kepada perwakilan parti.

"Kalau orang tak mahu pada dia (Khairy), tunggu apa lagi. Betul tak?"

"...tentulah kalau orang tak mahu, tentulah dia tak jadi (naib ketua) lagi, tak pegang jawatan yang berkenaan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Khairy semalam bahawa beliau (Khairy) sanggup melepaskan jawatannya jika pergerakan Pemuda UMNO menganggapnya sebagai liabiliti kepada parti itu.

Abdullah yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita mengenai perkara itu selepas merasmikan Liga Sukan Komuniti 2006 di Padang Semarak, Angkasapuri di sini hari ini.

Semalam, Khairy memberitahu media selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Wangsa Maju dan Cheras di sini bahawa beliau sanggup melepaskan jawatan yang dipegangnya

sejak pemilihan parti 2004 jika dianggap sebagai liabiliti kepada pergerakan itu.

Ini katanya, sejajar dengan budaya UMNO iaitu parti lebih penting daripada individu.

Khairy berkata, beliau juga bergantung kepada prinsip bahawa mana-mana pemimpin perlu berundur sekiranya kehadiran mereka dilihat mendatangkan beban atau masalah kepada organisasi masing-masing.

Bagaimanapun, sebagai menghormati anggota parti, Khairy berkata sebagai keputusan mengenai kedudukannya hanya boleh ditentukan oleh perwakilan pergerakan itu memandangkan mereka yang memilihnya.

Semalam adalah penampilan dua hari berturut-turut menantu Perdana Menteri itu membuat penjelasan secara terbuka kepada anggota UMNO berhubung tuduhan yang dilemparkan kepadanya.

Jumaat lepas, ketika merasmikan perasmian Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Wangsa Maju dan Cheras, Khairy menafikan tuduhan bahawa beliau telah berkahwin dengan pelakon popular Maya Karin.

Menurut Abdullah, semua pemimpin UMNO mempunyai prinsip yang sama iaitu apabila tidak diperlukan, maka boleh meletak jawatan.

Beliau menegaskan, jawatan Khairy itu sememangnya dipilih oleh ahli dan jika tidak diperlukan oleh ahli, maka peletakan jawatan adalah yang paling sesuai.



**ABDULLAH Ahmad Badawi menyepak bola ke dalam gawang sambil Azalina Othman meniup wisel semasa perasmian Liga Sukan Komuniti 2006 di Padang Semarak, Angkasapuri, semalam.**